

GARIS PANDUAN
UNIT PERLESENAN AGENSI PENGAWAL KESELAMATAN (UPAPK)

Permohonan Perubahan Pakaian Seragam Dan Peralatan

Syarat Dan Peraturan Permohonan

1. Pemegang lesen (syarikat) mestilah mempunyai lesen perniagaan agensi pengawal keselamatan yang masih sah (tidak mansuh).
2. Pemegang lesen hendaklah terlebih dahulu mengemukakan permohonan untuk membaharui lesen dua (02) bulan sebelum lesen mansuh dengan menyertakan dokumen-dokumen seperti yang diperlukan.
3. Pemegang lesen hendaklah tidak mengubah / menukar pakaian seragam yang telah diberi kebenaran tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Pesuruhjaya Polis selaku Pegawai Melesen. Rujukan **Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.
4. Pakaian seragam dan peralatan yang dicadangkan hendaklah mematuhi syarat dan peraturan permohonan pakaian seragam dan peralatan seperti ditetapkan.

Dokumen-Dokumen Permohonan

1. Surat permohonan daripada pemegang lesen atau pengarah atau pengurus syarikat yang berdaftar dengan Unit Perlesenan Agensi Pengawal Keselamatan.
2. Keterangan pakaian seragam dan peralatan kelengkapan yang digunakan masa ini berserta gambar pengawal keselamatan berpakaian seragam penuh (peralatan).
3. Keterangan lengkap pakaian seragam atau peralatan yang dipohonkan (perubahan atau tambahan).
4. Gambar berwarna pakaian seragam berserta contoh kain hendaklah disertakan.
5. Gambar berwarna peralatan dan contoh peralatan hendaklah disertakan.

Perhatian:

1. Permohonan yang tidak mematuhi syarat atau dokumen tidak lengkap maka permohonan tidak akan diterima untuk diproses.
2. Pemegang lesen yang didapati tidak mematuhi **Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan adalah satu kesalahan** dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan denda tidak melebihi **\$4,000** atau **dihukum penjara tidak melebihi satu tahun**. Rujukan **Peraturan 20(2), Peraturan-Peraturan Agensi Keselamatan**.